

OTHMAN BIN ABDUL MANAF

lwn

NORIAH BINTI SALIM

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Tuan Haji Saarani bin Ismail (Pengerusi), YA Dato' Haji Hussin bin Harun (Ahli Panel), YA Tuan Haji Mohd Amran bin Haji Mat Zain (Ahli Panel)]

25hb. Jun 2018/11 Syawal 1439H

[Kes Mal No. 05000-017-0013-2016]

[Tuntutan Harta Sepencarian - Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003]

Peguam Syarie Perayu : Tetuan Halijah Shariff & Associates

Peguam Syarie Responden : Tetuan Hanif Hassan & Co

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Ini adalah rayuan yang difailkan oleh Perayu terhadap keputusan yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan pada 24/11/2016 berkaitan harta sepencarian seperti berikut:-

1.1 Bahawa Mahkamah mensabitkan dan mengisytiharkan harta berupa sebuah rumah yang didaftarkan di bawah Lot 7672, No Hak Milik 4455, Felda Jelai 2, Mukim Gemas, Tampin, Negeri Sembilan serta harta berupa sebidang tanah kebun yang didaftarkan di bawah Lot 12767, No Hak Milik 2951, Felda Jelai 2, Mukim Gemas, Tampin, Negeri Sembilan sebagai Harta Sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.

1.2 *Bahawa Mahkamah mensabitkan dan mengisytiharkan apa-apa hasil wang/saham/ganjaran yang terhasil daripada tanah rancangan Felda sebagai Harta Sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.*

1.3 *Plaintif dan Defendan masing-masing menerima sebanyak setengah (1/2) bahagian daripada harta-harta tersebut.*

[2] Perayu telah memfailkan notis rayuan pada 01/12/2016_ dan merayu terhadap sebahagian keputusan.

[3] Perayu telah menfailkan alasan rayuannya bertarikh 17/08/2017 dengan memplidkan sembilan (9) alasan rayuan sepertimana di muka surat 285-289 Rekod Rayuan.

FAKTA KES

[4] Perayu telah bernikah dengan Responden pada 07/07/1979 dan bercerai pada 24/06/2002. Hasil perkahwinan mereka telah dikurniakan dengan dua orang anak.

[5] Pada 15/08/2014 Responden telah memfailkan kes harta sepencarian dan menuntut harta-harta berikut dibahagikan sama banyak iaitu :-

- a) Tapak rumah di Lot 7672, No Hak Milik 4455, Felda Jelai 2, Mukim Gemas, Tampin, Negeri Sembilan.
- b) Tanah kebun di Lot 12767, No Hak Milik 2951, Felda Jelai 2, Mukim Gemas, Tampin, Negeri Sembilan.
- c) Apa-apa hasil wang/saham/ganjaran yang terhasil daripada tanah rancangan Felda.

[6] Perayu dalam pembelaan dan tuntutan balasnya pula menuntut agar tuntutan Responden ditolak dengan kos.

[7] Kedua-dua pihak telah memberi keterangan secara affidavit dan masing-masing mengemukakan dua orang saksi.

[8] Mahkamah telah membuat keputusan pada 24/11/2016 seperti di Perenggan [1] di atas.

ULASAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

[9] Bagi maksud Rayuan ini, kami telah meneliti Rekod Rayuan, Penghujahan-penghujahan bertulis yang telah dimasukkan oleh pihak-pihak dan Alasan Penghakiman Bertulis Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

[10] Dalam rayuan ini Perayu tidak berpuas hati dengan kadar pembahagian yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara. Perayu mendakwa bahawa beliau layak mendapat 2/3 daripada kadar bahagian harta sepencarian yang telah diisytiharkan oleh Hakim Bicara. Persoalan berkaitan sama ada harta-harta tersebut merupakan harta sepencarian atau tidak, adalah tidak dipertikaikan.

[11] Kami bersetuju untuk menolak alasan rayuan pertama kerana isu tuntutan balas yang dibangkitkan oleh Perayu merupakan perkara yang sama seperti yang dituntut oleh Responden. Perkara ini telah dijelaskan oleh Hakim Bicara di Perenggan 6 Alasan Penghakiman di muka surat 271 Rekod Rayuan bahawa :-

“ Dalam kes ini terdapat dua isu yang perlu diperhalusi oleh Mahkamah iaitu:

- i. Sama ada aset-aset tersebut merupakan harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.*
- ii. Jika benar, berapakah kadar bahagian Plaintiff dan Defendan.*

Berkaitan dengan kos yang dituntut oleh Perayu pula, kami dapati perkara tersebut tidak diulas oleh Hakim Bicara. Oleh yang demikian kami menyimpulkan tuntutan tersebut telah tidak dipertimbangkan oleh Hakim Bicara dan kos ditanggung oleh pihak masing-masing. Keputusan berkaitan dengan kos tidak boleh dirayu ke Mahkamah yang lebih tinggi. Dalam hal ini dengan hormatnya kami merujuk kepada Arahan Amalan No 3 Tahun 2012; Prosedur Penetapan Kos di Mahkamah Syariah menjelaskan :-

Perkara 15(6)

Tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan Hakim.

[12] Kami berpendapat terdapat satu sahaja isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini iaitu sama ada Hakim Bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam memutuskan Perayu dan Responden masing-masing menerima sebanyak setengah (1/2) bahagian daripada harta-harta tersebut. Isu ini adalah rangkuman kepada alasan-alasan rayuan yang telah difailkan oleh Perayu.

[13] Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan Rekod Rayuan, kami membuat dapatan seperti berikut:-

- 13.1 Perayu dan Responden telah memasuki tanah rancangan Felda Jelai 2 pada 23/04/1981 iaitu dalam tempoh perkahwinan. Masing-masing menyumbang secara langsung untuk melayakkan kemasukkan sebagai peneroka kerana salah satu syarat yang diperlukan untuk menyertai program tersebut ialah bagi pasangan yang telah berkahwin.

- 13.2 Di peringkat awal, Perayu dan Responden telah menyumbang secara langsung dalam melaksanakan kerja menoreh dan menguruskan ladang getah tersebut dalam tempoh 3-4 tahun. Dalam tempoh tersebut Responden, juga ada menyumbang secara tidak langsung menguruskan keperluan Perayu dan rumahtangga.
- 13.3 Mulai tahun 1984-1994, Responden telah tinggal di Rembau dan ada berulang-alik dari Rembau ke Felda Jelai 2 semasa cuti sekolah. Semasa berada di Felda Jelai 2, Responden ada membantu Perayu menoreh getah dan membuat kerja rumah.
- 13.4 Tahun 1988, Perayu telah melangsaikan bayaran kembali sebanyak RM48,000 kepada FELDA. Walau bagaimanapun tidak dapat dipastikan daripada mana sumber kewangan yang telah digunakan untuk menyelesaikan hutang tersebut, sama ada daripada wang simpanan hasil tanaman yang diusahakan atau daripada wang yang diberikan dibawah program FELDA atau daripada sumber lain. Jika wang daripada hasil tanaman maka kami berpendapat Responden juga berhak ke atas wang tersebut kerana pihak-pihak sama-sama menjadi Peneroka dan begitulah juga wang yang diperolehi daripada program FELDA.
- 13.5 Tahun 1994-2000, Responden tinggal di Rembau, bekerja kilang dan tidak lagi berulang alik dari Rembau ke Felda Jelai 2 untuk menemui Perayu. Responden telah memberi sumbangan menjaga dan menguruskan sepenuhnya anak-anak manakala Perayu melakukan kerja-kerja di ladang.

13.6 Harta-harta tersebut telah menerima geran hak milik pada 1/11/2001 dan didaftarkan atas nama Perayu seorang.

13.7 Nama Responden masih lagi sah di dalam daftar sebagai Peneroka dan tidak pernah dikeluarkan atau diambil tindakan oleh pihak FELDA.

13.5 Tahun 2000, FELDA telah mengambil alih semula urusan kebun, pokok-pokok getah ditebang dalam tahun 2001 dan ditanam dengan pokok sawit dalam tahun 2002. Bayaran semula kepada Felda untuk proses penanaman sawit ditetapkan selepas 15 tahun.

13.5 Perayu dan Responden telah bercerai pada 24/06/2002.

[14] Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, kami berpendapat perintah Hakim Bicara yang memerintahkan harta-harta tersebut dibahagikan sama banyak adalah wajar kerana kami dapati tiada perbezaan sumbangan secara langsung yang nyata telah ditunjukkan oleh pihak-pihak dalam proses perolehan pemilikan terhadap harta-harta tersebut. Adalah menjadi kelaziman dalam adat masyarakat bahawa suami pergi bekerja manakala isteri melaksanakan tugas-tugas di rumah dan menjaga anak-anak dan ada sebahagian isteri pula pergi bekerja untuk membantu ekonomi dalam rumah tangga. Hasil-hasil yang diperolehi pula barangkali semua atau sebahagiannya akan digunakan untuk manfaat keluarga.

[15] Kami juga berpendapat dengan penebangan pokok getah pada tahun 2001, ianya secara tidak langsung telah menamatkan manfaat hasil yang diperolehi daripada tanaman getah dan sekali gus memadamkan sumbangan pihak-pihak terhadap tanaman getah. Kerja-kerja pengurusan tanah tersebut

seterusnya telah diambil alih semula oleh FELDA pada tahun 2000 untuk proses penebangan pokok-pokok getah dan penanaman semula dengan pokok kelapa sawit. Manfaat baru yang akan diperolehi oleh pihak-pihak ialah hasil daripada tanaman sawit yang seharusnya dibahagikan berdasarkan sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi pemilikan terhadap harta-harta tersebut.

[16] Bagi menentukan takat sumbangan secara langsung yang telah dibuat oleh pihak-pihak terhadap pemerolehan harta-harta tersebut, kami dapati terdapat satu fakta penting yang boleh mempengaruhi keputusan Mahkamah terhadap bahagian pihak-pihak dalam harta-harta tersebut iaitu fakta bahawa pada tahun 1988 Perayu telah menyelesaikan hutang bayaran kembali kepada FELDA sebanyak RM48,000. Walau bagaimanapun merujuk kepada Rekod Rayuan di muka surat 69 dan 104 serta penelitian kepada keseluruhan Rekod Rayuan, kami dapati tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa daripada mana sumber kewangan yang telah digunakan oleh Perayu untuk menyelesaikan hutang tersebut, sama ada daripada hasil tanaman yang telah diusahakan atau daripada wang penyertaan program FELDA atau daripada sumber-sumber lain. Jika daripada hasil tanaman maka Responden juga berhak ke atas wang tersebut kerana pihak-pihak sama-sama menjadi Peneroka dan begitulah juga wang yang diperolehi daripada program FELDA. Maklumat berkaitan sumber kewangan ini sangat penting untuk kami menentukan takat sumbangan langsung yang telah dibuat oleh pihak-pihak terhadap pemerolehan harta-harta tersebut selaras dengan kehendak seksyen 122 (1) dan (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003.

(1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagikan antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan antara pihak-pihak itu.

(2) Dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira—

(a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak, aset atau hasil jualan aset itu.

[17] Bagi mentafsirkan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003 maka dengan hormatnya kami merujuk kepada dalil al-Quran yang menjadi panduan dalam menentukan permasalahan berkaitan harta sepencarian. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 32 :-

وَلَا تَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ
مِّمَّا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ
فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

“Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain kerana bagi lelaki ada bahagian dari apa yang diusahakannya dan bagi perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian daripada kurnianya, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

[19] Ayat 32 surah an-Nisa tersebut menjelaskan bahawa masing-masing mempunyai sumbangan terhadap sesuatu harta dan pembahagian diberikan adalah berdasarkan usaha-usaha yang telah disumbangkan.

[20] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas maka kami berpuas hati menyimpulkan bahawa tiada perbezaan sumbangan secara langsung yang nyata telah ditunjukkan oleh pihak-pihak dalam proses perolehan pemilikan terhadap harta-harta tersebut yang mewajarkan kami untuk campur tangan dalam keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Bicara.

KEPUTUSAN

SETELAH membaca dan meneliti Alasan-Alasan Rayuan Perayu, Rekod Rayuan dan Hujah Bertulis Pihak-pihak, MAKA kami sebulat suara memutuskan seperti berikut:-

1. Rayuan Perayu ditolak.
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah dalam Kes Mal No. 05100-017-0300-2014 dikekalkan.

Di baca dan ditandatangani oleh:-

-
1. **YA TUAN HAJI SAARANI BIN ISMAIL**
Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:-

-
2. **Y.A DATO' HAJI HUSSIN BIN HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:-

-
3. **Y.A TUAN HAJI MOHD AMRAN BIN HAJI MAT ZAIN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan